



MSU bakal beri penekanan kepada pembelajaran secara hibrid, maya

Oleh **Norzamira Che Noh** - Disember 4, 2022 @ 7:21am
bhnews@bh.com.my



Tengku Darafudin Badlishah dan Mohd Shukri bersama graduan pada Majlis Konvokesyen MSU ke-30. - Foto NSTP/Faiz Anuar

SHAH ALAM: Management & Science University (MSU) akan memberi penekanan kepada pembelajaran secara hibrid dan maya (virtual) sebagai salah satu komponen pembelajaran universiti itu.

Presiden MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, berkata penekanan terhadap pembelajaran secara hibrid dan maya itu dibuat selepas pihaknya melihat perubahan dalam landskap pendidikan tinggi selepas wabak COVID-19 melanda dunia.

"Sebelum COVID-19, kita hanya fokus kepada pembelajaran secara sepenuh masa dan bersemuka. Bagaimanapun, ketika pandemik berlaku, kita bina kepakaran bagi membolehkan pembelajaran secara hibrid dan maya.

"Saya juga berasaskan ia memberi kemudahan kepada individu bekerja kerana mereka tidak perlu datang ke kampus. Ia juga banyak dilaksanakan di universiti di Barat," katanya pada sidang media selepas sidang pertama Majlis Konvokesyen MSU ke-30, semalam.

Mohd Shukri berkata, kelas secara hibrid itu akan dilaksanakan kepada semua kursus secara berperingkat.

"Insya-Allah, akan ditawarkan secara berperingkat mengikut permintaan," katanya.

Yang turut hadir mencemar duli ke majlis berkenaan, Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah yang juga Canselor MSU.

Sementara itu, penerima Anugerah Pingat Emas Canselor, Muhammad Harris Azman, 25, berkata beliau tidak menyangka akan menerima anugerah tertinggi pada majlis konvokesyen berkenaan.



Muhammad Harris (tengah) bersama bapa, Azman Hamed (kanan) serta ibu, Azlita Rosli melihat Anugerah Pingat Emas Canselor serta ijazah Sarjana Muda Kewangan yang diterima pada Majlis Konvokesyen MSU ke-30 diShah Alam. - Foto NSTP/Faiz Anuar

Katanya, beliau hanya dimaklumkan sebagai salah seorang graduan terbaik dan hanya dimaklumkan mengenai anugerah berkenaan, semalam.

"Saya sebenarnya tidak menyangka akan dapat anugerah ini. Walaubagaimanapun, Alhamdulillah usaha yang saya lakukan selama tiga tahun ini berhasil," katanya.

Graduan Sarjana Muda Kewangan (Kepujian) itu berkata, beliau menempuh masa yang sukar sepanjang tiga tahun melengkapkan pengajian, berikutan sebelum ini mengikuti bidang pengajian berlainan.

"Sebelum ini, saya mengambil diploma dalam bidang Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL) dari Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM).

"Apabila masuk ke MSU, saya bermula dari kosong sedangkan rakan sekelas lain memang dari diploma yang sama (kewangan).

"Bagaimanapun, syukur Alhamdulillah saya berjaya mengatasi kekangan itu. Terima kasih kepada MSU, ibu bapa, rakan serta pensyarah," katanya.